

Tarikh: 6hb Januari, 2010

Kepada,
Y.Bhg. Dato' Ahmad Fuad B. Ismail
Datuk Bandar Kuala Lumpur



PETISYEN UNTUK "HARI TANPA BEG PLASTIK" DI KUALA LUMPUR

Nama pempetisyen-pempetisyen seperti dinyatakan di bawah meminta Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk menganjurkan kempen "Hari Tanpa Beg Plastik" mulai bulan Januari tahun ini serta memilih hari Sabtu sebagai pengharaman beg plastik di semua tempat membeli-belah termasuk pasaraya, hypermarket, supermarket, kedai runcit dan farmasi. Tujuan utama petisyen ini adalah untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Pempetisyen-pempetisyen juga meminta Datuk Bandar mengenakan caj bagi mereka yang masih ingin menggunakan beg plastik pada hari Sabtu.

Kempen ini harus dijalankan secara besar-besaran selama enam bulan pertama bagi mendidik masyarakat sambil menggalakkan pengguna mengurangkan penggunaan beg plastik. Selepas itu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan mengambil langkah penguatkuasaan terhadap peniaga yang gagal menyertai kempen ini termasuk membatalkan lesen untuk berniaga. Bilangan hari dalam seminggu kempen tersebut juga harus ditambah selepas enam bulan.

Sekian, terima kasih.

Pempetisyen-Pempetisyen:

- | | |
|--|----------------------------------|
| 1. Y.B. Dr. Tan Seng Giaw | - Ahli Parlimen Kepong |
| 2. Y.B. Tan Kok Wai | - Ahli Parlimen Cheras |
| 3. Y.B. Fong Kui Lun | - Ahli Parlimen Bukit Bintang |
| 4. Y.B. Teresa Kok Suh Sim | - Ahli Parlimen Seputeh |
| 5. Y.B. Lim Lip Eng | - Ahli Parlimen Segambut |
| 6. Y.B. Dr. Lo'lo' Binti
Mohamad Ghazali | - Ahli Parlimen Titiwangsa |
| 7. Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri
Abd Khalid Bin Ibrahim | - Ahli Parlimen Bandar Tun Razak |
| 8. Y.B. Chua Tian Chang | - Ahli Parlimen Batu |
| 9. Y.B. Wee Choo Keong | - Ahli Parlimen Wangsa Maju |
| 10. Y.B. Nurul Izzah Binti Anwar | - Ahli Parlimen Lembah Pantai |